LKIM

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

BORANG SEBUT HARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

Kepada:

Pengarah
LKIM Negeri Perlis,
Lot 2209, Kompleks Perikanan LKIM Kg. Perak,
02000 Kuala Perlis, PERLIS. Tarikh:

Tuan,

TAWARAN BAGI SEBUT HARGA PENJUALAN KENDERAAN RASMI PEJABAT LKIM NEGERI PERLIS, NISSAN X-TRAIL (WVG 8452).
LKIM (R) : S04/2024 PELAWAAN SEMULA

Merujuk perkara di atas, saya berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya adalah seperti berikut

Bil	Keterangan Aset	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)

Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran kenderaan di atas atau RM5,000.00 mengikut mana-mana yang terendah) yang bernilai RM…… (Ringgit Malaysia : ……) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank atas nama **KUMPULAN WANG MENGURUS LKIM PERLIS.**

3. Saya memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang di tetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____
Tarikh : _____
No. Telefon : _____

MUSTAHAK – LIHAT SYARAT-SYARAT AM

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususunya oleh penyebut harga. SILA PASTIKAN ANDA TELAH MEMBACA SERTA MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN.

1. **KEADAAN KENDERAAN**

Kenderaan adalah dijual sepertimana keadaan kenderaan berada sekarang *(as-is-where-is basic)*

SEMUA KENDERAAN ADALAH DIJUAL DALAM KEADAAN "SEADANYA" PASTIKAN ANDA MELIHAT KENDERAAN-KENDERAAN SEBELUM MEMBIDA.

2. **BUTIRAN KENDERAAN**

No Pendaftaran	:	**WVG 8452**
Model/Tahun Dibuat	:	**NISSAN X-TRAIL / 2011**
Tempat	:	**LKIM NEGERI PERLIS**
Harga Lantai	:	**RM3,000.00**
Deposit	:	**5% daripada harga tawaran**

3. **HARGA**

Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

4. **DEPOSIT**

Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit **sebut harga sebanyak 5%** daripada harga tawaran kenderaan di atas atau RM5,000.00 mengikut mana-mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang / bank draf atas nama **KUMPULAN WANG MENGURUS LKIM PERLIS.**

5. **KOS-KOS LAIN**

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menanggal *(dismantle),* mengangkut dan sebagainya hendaklah di tanggung oleh penyebutharga sendiri.

6. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

7. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

a. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan **Sebut harga LKIM (R) : S04/2024 PELAWAAN SEMULA** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang di tetapkan dalam Notis Sebut Harga.

b. Jika dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.

c. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **empat (4) minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

9. **TEMPOH MENGAMBIL KENDERAAN**

Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh **satu (1) minggu** setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah di anggap terbatal.